

## MENJALANKAN PERNIAGAAN DENGAN EASTMAN TATAKELAKUAN PIHAK KETIGA

Eastman Chemical Company dan syarikat-syarikat subsidiarinya (“Eastman”) komited untuk mengendalikan semua aktiviti perniagaan kami menurut standard undang-undang dan etika yang tertinggi.

Eastman berusaha untuk mengendalikan perniagaan hanya dengan pihak ketiga yang berkongsi komitmen kami bagi mematuhi keperluan undang-undang dan standard etika yang tinggi. Eastman menghendaki pihak ketiga yang menghasilkan produk untuk atau menyediakan perkhidmatan kepada Eastman agar mengendalikan perniagaan mereka dengan penuh tanggungjawab, integriti, jujur dan telus.

Eastman menghasilkan *Menjalankan Perniagaan dengan Eastman* sebagai Tatakelakuan Pihak Ketiga untuk memastikan agar anda mengetahui jangkaan Eastman apabila bekerja dengan pekerja kami dan bagi perlakuan perniagaan anda.

Tatakelakuan Perniagaan Eastman boleh didapati di:

[www.eastman.com/Company/investors/Corporate\\_Governance/Pages/Code\\_of\\_Conduct.aspx](http://www.eastman.com/Company/investors/Corporate_Governance/Pages/Code_of_Conduct.aspx)

Dokumen tambahan berkenaan dengan pendirian Eastman mengenai pelbagai isu tanggungjawab sosial boleh didapati di:

[http://www.eastman.com/Company/Sustainability/Social\\_Responsibility/Pages/People.aspx](http://www.eastman.com/Company/Sustainability/Social_Responsibility/Pages/People.aspx)

Kami meminta agar anda mengintegrasikan, menyampaikan dan mengamalkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam *Menjalankan Perniagaan dengan Eastman*.

Meskipun majoriti besar pekerja Eastman dan pihak ketiga yang menjalankan perniagaan dengan kami menerima standard etika kami, mungkin terdapat sebilangan kecil pekerja yang cuba melanggar Tatakelakuan Perniagaan kami atau pihak ketiga yang gagal memenuhi jangkaan yang dikenal pasti dalam *Menjalankan Perniagaan dengan Eastman*. Walaupun anda tidak mempunyai semua faktanya, kami akan menyiasat isu itu dan cuba mengesahkan serta mengambil tindakan sewajarnya.

Memandangkan kami tidak sentiasa berada dalam kedudukan untuk mengenal pasti penyimpangan ini, kami memerlukan bantuan anda untuk melakukannya. Jika anda rasa seseorang di Eastman atau pihak ketiga yang menjalankan atau yang ingin menjalankan perniagaan dengan Eastman terlibat dalam perlakuan yang menyalahi undang-undang, tidak beretika atau perlakuan yang gagal memenuhi jangkaan *Menjalankan Perniagaan dengan Eastman*, kami meminta agar anda menghubungi Pejabat Perlakuan Perniagaan Global Eastman. Kaedah pelaporan diterangkan di bawah bahagian **Melaporkan Kebimbangan** dalam risalah ini.

Jika anda mahu kekal tanpa nama semasa berinteraksi dengan Pejabat Perlakuan Perniagaan Eastman:

- Hubungi Talian Bantuan di nombor yang diberikan dalam bahagian **Melaporkan Kebimbangan**. Kakitangan Talian Bantuan terdiri daripada pakar komunikasi bukan pekerja Eastman yang bekerja 24 jam sehari. Tiada peranti pengesanan atau rakaman akan sekali-kali digunakan di Talian Bantuan dan tiada sebarang jenis penjejakan identiti digunakan jika anda lebih suka

melaporkannya melalui Laman Web Talian Bantuan.

- Pada penghujung panggilan anda, anda akan diberikan kunci laporan yang unik, kata laluan dan tarikh panggil balik.
- Laporan itu kemudiannya dihantar ke Pejabat Perlakuan Perniagaan Global Eastman untuk dikaji semula dan jika perlu, disiasat dan tindakan sewajarnya diambil.
- Untuk mengikuti perkembangan laporan anda, hanya panggil balik selepas tarikh yang diberikan dan beritahu operator kunci laporan anda dan kata laluan anda.

### **BEKERJA DENGAN PEKERJA KAMI**

Dasar Eastman adalah untuk membeli produk dan perkhidmatan berdasarkan jumlah nilai kepada syarikat dan tidak terikat dengan keputusan pihak ketiga untuk membeli daripada Eastman. Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Eastman apabila membuat keputusan pembelian termasuk penentuan harga yang kompetitif, kualiti perkhidmatan dan barangan, pelaksanaan yang tepat pada masanya dan komitmen untuk mematuhi Tatakelakuan Pihak Ketiga ini

Selain prinsip-prinsip yang dikenal pasti untuk pihak ketiga dalam *Menjalankan Perniagaan dengan Eastman*, Eastman telah menetapkan jangkaan untuk pekerjaannya dalam Tatakelakuan Perniagaannya bagi menggalakkan perlakuan yang jujur, sah di sisi undang-undang dan beretika.

Eastman menghendaki pihak ketiga menghormati peruntukan berikut apabila berinteraksi dengan pekerjaannya:

#### **Konflik Kepentingan**

Semua pekerja Eastman mestilah bebas daripada konflik kepentingan yang sebenar atau berpotensi. Konflik kepentingan berlaku apabila wujudnya kemungkinan keuntungan peribadi langsung atau tidak langsung yang boleh mempengaruhi pertimbangan perniagaan atau tindakan pekerja Eastman apabila mengendalikan perniagaan Eastman.

#### **Hadiah dan Keraian**

Eastman mengiktiraf tujuan perniagaan yang sah dalam mewujudkan muhibah dan hubungan kerja yang baik yang boleh dijalin melalui keraian atau pertukaran hadiah berhubung perniagaan sekali-sekala, tertakluk kepada pengehadan berikut:

- Keraian, hadiah atau ganjaran lain mesti mempunyai tujuan perniagaan yang sah dan tidak sepatutnya mengakibatkan atau sewajarnya dianggap mengakibatkan, penerima mengubah pertimbangan perniagaan yang biasa berkaitan dengan sebarang urusan niaga atau menjejaskan kesetiaan individu itu kepada majikannya.
- Keraian mestilah sah di sisi undang-undang, berpatutan dan setimpal serta selaras dengan adat dan amalan perniagaan yang boleh diterima. Jika tuan rumah tidak hadir, keraian dianggap sebagai hadiah, tertakluk kepada pengehadan hadiah.
- Hanya hadiah yang mempunyai nilai nominal boleh diterima.
- Hadiah wang tunai atau yang setara wang tunai (termasuk kad hadiah, saham, diskaun individu dan baucar) tidak sekali-kali boleh diterima.
- Hadiah atau keraian tidak patut diminta oleh pekerja Eastman atau tidak harus diterima secara kerap atau berulang.

- Pekerja Eastman yang terlibat secara aktif dalam proses membuat keputusan perolehan pada umumnya dilarang menerima hadiah atau keraian daripada pihak yang membida.
- Pengehadan yang dikenakan ke atas pekerja Eastman juga dikenakan ke atas ahli keluarga dan ejen pekerja.

Pekerja Eastman mesti mendedahkan hadiah, keraian atau ganjaran lain yang diterima daripada pihak ketiga apabila jumlah nilainya melebihi nilai yang bersamaan dengan \$150 dalam satu tahun kalendar.

## **PERLAKUAN PEMBEKAL**

Eastman berusaha untuk menjalankan perniagaan dengan mewujudkan nilai melalui pengawasan alam sekitar, tanggungjawab sosial dan pertumbuhan ekonomi, kini dan untuk generasi akan datang.

Pihak ketiga yang membekalkan produk dan perkhidmatan kepada Eastman (“Pembekal”) dikehendaki mematuhi undang-undang, peraturan dan syarat-syarat negara di tempat mereka menjalankan perniagaan sebagai standard minimum.

Eastman menghendaki semua Pembekal mematuhi standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa supaya dapat memajukan tanggungjawab sosial dan alam sekitar, termasuk perkara berikut:

### **Etika**

Pembekal mesti mengendalikan perniagaan mereka secara beretika, bertindak dengan integriti dan mengekalkan buku dan rekod yang tepat dan tepat pada masanya.

- **Rasuah, Sogokan, Pemerasan atau Penggelapan Wang** Rasuah, sogokan, pemerasan dan penggelapan wang dalam sebarang bentuk dilarang dengan tegas. Pembekal tidak harus memberi atau menerima rasuah atau menyertai pendorong lain yang menyalahi undang-undang dalam hubungan perniagaan atau kerajaan.
- **Perlindungan Harta Intelektual**  
Pembekal mesti menghormati hak harta intelektual; melindungi maklumat pelanggan; dan memastikan pemindahan teknologi dan pengetahuan dikendalikan mengikut cara yang melindungi hak harta intelektual.

### **Hak Asasi Manusia**

Pembekal mesti mendukung hak asasi manusia pekerja dan melayan mereka dengan maruah dan hormat, termasuk: (a) membenarkan kebebasan berpersatuan dan mengiktiraf hak untuk tawar-menawar kolektif, selaras dengan undang-undang tempatan; (b) menyingkirkan diskriminasi dalam penggajian, pengambilan pekerja dan pemberian pampasan berdasarkan bangsa, warna kulit, umur, jantina, orientasi seksual, keetnikan, kehilangan upaya, agama, hubungan politik, keahlian kesatuan, negara asal atau status perkahwinan; dan (c) mewujudkan tempat kerja yang bebas daripada gangguan atau sebarang bentuk penganiayaan lain, termasuk gangguan seksual atau penderaan.

- **Pencegahan Buruh Paksaan atau Bawah Umur** Pembekal tidak harus terlibat dalam penyeludupan manusia atau perhambaan atau menggunakan sebarang bentuk buruh kanak-kanak atau buruh paksaan, terikat atau penjara yang lain.

### **Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar**

Pembekal mestilah komited untuk menyediakan keadaan kerja yang selamat termasuk: (a) menyediakan perlindungan pekerja yang sesuai terhadap risiko bahaya bahan kimia, biologi, dan fizikal; (b) mengekalkan program keselamatan proses untuk mencegah atau mengurangkan kejadian yang menandatangani bencana; (c) menjalankan penilaian risiko dan melaksanakan pelan kesediaan dan

prosedur respons kecemasan; dan (d) menyediakan maklumat mengenai keselamatan dan bahaya untuk pendidikan pekerja.

Pembekal mestilah komited untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dengan: (a) memperoleh dan mematuhi semua permit, lesen, pendaftaran maklumat dan sekatan alam sekitar yang diperlukan; (b) memastikan pengendalian, pergerakan, penyimpanan, pengitaran semula, penggunaan semula dan pengurusan sisa, pelepasan udara dan pembuangan air sisa yang selamat; dan (c) mencegah dan mengurangkan tumpahan dan pelepasan tidak sengaja ke alam sekitar. Pembekal harus berikhtiar untuk mengurangkan atau menyingkirkan semua jenis sisa, termasuk air dan tenaga.

### **Sistem Pengurusan**

Pembekal harus melaksanakan sistem pengurusan untuk memudahkan kemajuan yang berterusan dan untuk memastikan pematuhan dengan jangkaan yang terdapat dalam *Menjalankan Perniagaan dengan Eastman*.

### **MELAPORKAN KEBIMBANGAN**

Eastman menggalakkan pembekal, penjual, kontraktor, ejen, pengedar, pelanggan dan pihak ketiga yang lain untuk mendapatkan bimbingan berkenaan dengan dasar Eastman apabila perlu dan mengemukakan kebimbangan berkaitan dengan aktiviti yang mungkin melibatkan aktiviti yang menyalahi undang-undang, pelanggaran dasar atau perlakuan tidak beretika, termasuk pelanggaran Tatakelakuan Perniagaan Eastman bagi pekerja Eastman dan Tatakelakuan Pihak Ketiga ini.

Untuk memudahkan interaksi ini, Eastman menawarkan Talian Bantuan yang dikendalikan oleh pihak ketiga yang bebas dan menyediakan jalan untuk menghubungi terus Pejabat Perlakuan Perniagaan Global Eastman, jika digemari. Perkhidmatan penterjemahan boleh didapati di Talian Bantuan Perlakuan Perniagaan Eastman.

#### **Talian Bantuan Perlakuan Perniagaan dan Laman Web Eastman**

(laporan adalah sulit dan boleh dibuat tanpa nama apabila dibenarkan oleh undang-undang):

- Pelaporan bebas tol dari lokasi di dalam Amerika Syarikat dan Kanada: Dail 1.800.455.5622.
- Pelaporan bebas tol dari lokasi di luar Amerika Syarikat dan Kanada: Dail **Kod Akses Terus AT&T AS** yang boleh didapati di [www.att.com/esupport/traveler.jsp](http://www.att.com/esupport/traveler.jsp); kemudian dail 800.455.5622 apabila diminta.
- LAMAN WEB: [www.eastman.ethicspoint.com](http://www.eastman.ethicspoint.com)

#### **Kebimbangan boleh dilaporkan terus kepada Pejabat Perlakuan Perniagaan Global Eastman**

(laporan adalah sulit tetapi bukan tanpa nama):

- Telefon: 1.423.229.5552 (pindah payaran, jika diingini)
- E-mel: [compliance@eastman.com](mailto:compliance@eastman.com)
- Surat: Office of Global Business Conduct  
Eastman Chemical Company  
200 South Wilcox Drive  
Kingsport, TN 37660